

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Tarikh: <tarikh>

Pelanggan yang dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini menyediakan maklumat penting tentang insurans kemalangan diri anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia membantu; **anda juga harus membacanya.****1 Apa itu Accident Benefit Rider?**

Accident Benefit Rider ialah rider pembayaran premium tanpa penyertaan yang menyediakan perlindungan bagi kematian akibat kemalangan.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat-Manfaat Anda**Sebagai ilustrasi,** bagi **RM130.00*** secara tahunan, anda akan menerima **perlindungan** seperti yang berikut:**Premium yang ditunjukkan adalah terpakai untuk pekerja pejabat (kelas pekerjaan 1), berumur 30 tahun pada hari jadi berikutnya, dengan tempoh rider selama 35 tahun, Jumlah Diinsuranskan sebanyak RM100,000 dan risiko piawai.*

Kematian Akibat Kemalangan	RM100,000
----------------------------	------------------

Kematian Akibat Kemalangan Di Dalam Pengangkutan Awam	RM200,000
---	------------------

Perlindungan Tambahan	Tidak berkenaan.
-----------------------	------------------

Insurans kemalangan diri anda **tidak termasuk**:

- Mencederakan diri sendiri secara sengaja atau membunuh diri sama ada waras atau tidak waras;
- Apa-apa kecederaan yang dialami semasa di bawah pengaruh alkohol, dadah atau narkotik; dan
- Apa-apa kecederaan yang dialami semasa terlibat dalam sukan profesional, polo, lompat jauh, larian berhalangan, panjat gunung, sukan musim sejuk atau memburu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai pengecualian yang penuh.Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi MCIS Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

MCIS Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans kemalangan diri anda, anda boleh:Hubungi
03-7652 3388Emel
customerservice@mcis.my**3 Ketahui Tanggungjawab Anda****Bagi insurans kemalangan diri anda, anda harus membayar premium sebanyak:**

Premium	<jumlah premium> secara <kekerapan> bagi Jumlah Diinsuranskan sebanyak <jumlah>. Premium adalah dikenakan ke atas risiko piawai.
---------	---

Tempoh Rider: <tempoh> tahun

Tempoh Pembayaran Premium: <tempoh> tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj yang berikut:

Komisen	<peratusan> daripada jumlah premium dibayar atau <jumlah komisen>.
---------	--

- Anda mesti mendedahkan semua fakta penting seperti keadaan perubatan, pekerjaan dan aktiviti peribadi dan menyatakan umur anda dengan betul. Jika tidak, anda mungkin mengalami risiko tuntutan anda ditolak atau rider anda ditamatkan.
- Terma rider dan premium mungkin berbeza bergantung pada keperluan pengunderaitan oleh MCIS Insurance Berhad.
- Premium adalah dijamin.
- Rider anda akan luput sekiranya sebarang premium tidak dibayar dalam tempoh tangguh Polisi, melainkan Polisi anda telah memperolehi nilai serahan terjamin.
- Anda boleh mendapatkan maklumat mengenai prosedur tuntutan dan borang-borang yang berkenaan dengan menghubungi MCIS Insurance Berhad.
- Jika anda bertukar polisi anda daripada satu syarikat insurans kepada yang lain atau bertukar daripada satu jenis pelan insurans kepada yang lain, anda mungkin dikenakan terma dan syarat baharu oleh pelan insurans baharu atau syarikat insurans baharu.

Nota: Senarai ini **tidak menyeluruh**. Anda harus rujuk kepada kontrak tambahan bagi senarai terma dan syarat yang penuh.



Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider anda dengan memberikan notis bertulis kepada MCIS Insurance Berhad.

- **Tempoh Bertenang:** Anda boleh membatalkan rider anda dalam tempoh 15 hari dari tarikh penghantaran Polisi. MCIS Insurance Berhad akan membayar balik kepada anda premium yang telah dibayar tolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung tanpa faedah.
- **Selepas Tempoh Bertenang:** Jika anda membuat keputusan untuk tidak meneruskan rider anda selepas tempoh bertenang, anda boleh membatalkan dengan menulis kepada MCIS Insurance Berhad.

SAMPLE